

# Kembara mendekati Orang Asli

Kontroversi Suku Batek di Kuala Koh didakwa terjejas akibat penerokaan hutan

## MUKADIMAH

**GUA MUSANG** - Malaysia sudah merdeka, membangun selama 57 tahun dan kini sangat rapat dengan Wawasan 2020. Tetapi Orang Asli dilihat masih tertinggal jauh daripada peribumi lain.

Jadi mereka perlu diberi perhatian. Sememangnya sudah ada di peringkat kerajaan pusat, jabatan dan kerajaan negeri struktur yang jelas untuk membantu Orang Asli. Banyak persoalan kita boleh tanya, sama ada Orang Asli menolak tamadun atau masih tidak mahu maju atau masih hendak mengekal tradisi kehidupan.

Atau adakah pihak terlibat sebenarnya gagal memberi perkhidmatan berkesan mengubah nasib Orang Asli? Tidak dapat dinafikan dari segi pendidikan, kerajaan sudah menyediakan sekolah dan asrama untuk Orang Asli. Tetapi mengapa mereka masih tertinggal? Adakah tindakan susulan di atas segala usaha kerajaan lakukan? Ikuti laporannya.

## ANITA ABU HASAN

Kisah kampung Orang Asli Kuala Koh, Gua Musang di Kelantan menentang kontroversi baru-baru ini lantaran pelepasan kira-kira 140 Orang Asli suku Batek di situ terganggu akibat penerokaan dan penebangan hutan berhampiran yang didakwa untuk tujuan komersial.

Berpeluang ke perkampungan Orang Asli Kuala Koh bersama sukarelawan dari Jabatan Biologi, Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia (UPM) diketuai Profesor Dr Ahmad Ismail beberapa hari lalu, penulis beranggapan suatu buah fikiran perlu dipanjangkan demi masa depan alam buana dan kelompok minoriti, penghuni Malaysia itu.

Penulis ingin mendalami kehidupan Orang Asli. Maka ikut ke sana dengan hati rela. Bertolak awal pagi dari Shah Alam, kami tiba di Gua Musang, kira-kira jam 2 petang. Kemudian dari jalan utama Gua Musang-Kota Bharu, ke Taman Negara Kuala Koh pula sejauh kira-kira 80 kilometer. Kami tiba di chalet Taman Negara Kuala Koh, kira-kira jam 3 petang. Selepas rehat, pengembaraan mencari Orang Asli bermula dengan menaiki van ke Kampung Orang Asli Kuala Koh.

Setelah melalui jalan tanah me-

rah yang becak, kami tiba di kampung yang dihuni suku Batek yang dipercayai sudah 100 tahun mendiami Taman Negara tersebut.

Seronoknya, kami tiba petang dan disambut anak-anak kecil Orang Asli yang melompat-lompat. Riangnya mereka. Tetapi bagaimana nasib mereka pada masa depan?


Sambil berbual, kami melihat mereka memasak nasi dan membakar ubi takup untuk makan malam itu. Bila dipandang kiri kanan, rumah daif mereka yang diperbuat dari buluh dan kayu sangat meruntun hati dan mata yang memandang.

Bagaimana nasib mereka jika hutan sekeliling musnah? Senja berlabuh dan kami pulang menjelang malam meredah jalan merah yang becak. Di minda sudah ada sesuatu!

## MENGAPA PERLU SAYANG?

Esoknya, selepas sarapan, kami terus ke kampung itu semula. Wah, kali ini lagi nampak tulen kerana kami sampai pada saat ramai kanak-kanak belum mandi. Namun yang wanita sudah siap membasuh baju, pinggan mengukut dan masing-masing mengendong anak dengan kain. Manakala kaum lelaki berhimpun menunggu kedatangan kami. Selain memberi barangan asas, bayangkan kami mengajar kanak-kanak Orang

## BAHAGIAN SATU



Orang Asli perlu perhatian masyarakat berilmu supaya nasib mereka lebih terbelak.

Asli mewarna lukisan sedangkan ada antaranya belum mandi. Suasana seronok dipandang di mana sebuah kehidupan wujud di tengah hutan yang didakwa menolak pembangunan. Pentinglah kita bantu mereka?

Apapun, tidak terbayang kegemilangan Orang Asli bersatu dengan kegemilangan sukarelawan.

Prof Ahmad yang juga Timbalan Presiden Persatuan Pencinta Alam berkata, acara yang dilakukan sukarelawan Jabatan Biologi UPM itu, penting untuk mendorong generasi muda

Orang Asli.

"Kita boleh didik mereka terutama generasi muda dan anak-anak kecil Orang Asli supaya terbuka menerima pendidikan," katanya.

Kembali kepada kontroversi Taman Negara Kuala Koh didakwa terancam itu, jika membahas penebangan hutan itu, bukan soal salah siapa hendak dicari. Soal mencari salah itu perkara mudah dibaili. Jika tidak ada hitam putih, ada jalan mengatasinya iaitu dengan undang-undang.

Namun apa perlu difikir, kesan

jangka panjang. Fokusnya sekarang ialah apakah perkaitan antara Orang Asli dan permasalahan lain yang pastinya melibatkan Taman Negara bersempadanan dengan hutan digondol itu? Tidak bermati menohmah sesapa. Namun apa salahnya kita ambil contoh Orang Asli Kuala Koh ini untuk difikirkan.

Maka boleh sahaja di sini, kita tanya-kan? Adakah Kelantan mempunyai rizab untuk Orang Asli? Nah, di sini mulanya asas untuk kita sama-sama fikirkan. **BERSAMBUNG>>>**



Suasana kehidupan Orang Asli yang jauh dari pembangunan walaupun hutan sekeliling sudah makin gondol. Berapa ramai di kalangan kita yang sudi membantu mereka secara berterusan?